

Pertengkaran sambut exco S'gor di kuil Puchong
Malaysiakini.com
November 11, 2010

Lawatan exco kerajaan negeri Teresa Kok ke kuil Sri Srinivasa Perumal di Puchong - yang terkenal dengan aksi 'bakar diri' - disambut kegamatan perang mulut berhubung 'perebutan' kawasan itu.

Tinjauan Komunitikini pagi tadi mendapati pertengkaran itu berlaku antara pengerusi pengelola Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Puchong PM Nagamuthu dengan seorang individu berbangsa India yang tidak dikenali.

Difahamkan, pertengkaran itu ekoran lelaki terbabit mahu mempertahankan tiga bahagian kuil - iaitu stor makanan, tandas dan tangki air - di Pusat Bandar Puchong itu daripada dirobuhkan untuk diserahkan bawah pentadbiran sekolah.

Kuil dan sekolah terbabit hanya terletak bersebelahan antara satu sama lain.

Bagaimanapun, hingar-bingar selama 10 minit itu berakhir tanpa sebarang kekerasan dan tindakan yang tidak diingini.

Walaupun tindakan itu dilihat cuba mendapatkan perhatian Teresa sebagai exco kanan Selangor, ADUN DAP itu yang diiringi ahli parlimen Puchong Gobind Singh Deo tidak mepedulikannya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147881>